

E-BULETIN KOPERASI

SINOPSIS

DITERBITKAN OLEH: BAHAGIAN PROMOSI & PENGGALAKAN KOPERASI
SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

DISEBALIK TABIR RAKAMAN PODCAST

EPISOD 3 TAHUN 2026



**FOLLOW US
ON SOCIAL MEDIA**



@SURUHANJAYAKOPERASIMALAYSIA



www.skm.gov.my



[SuruhanjayaKoperasiMalaysia](https://www.facebook.com/SuruhanjayaKoperasiMalaysia)



[SuruhanjayaKoperasi](https://www.instagram.com/SuruhanjayaKoperasi)



[SuruhanjayaKoperasi](https://www.tiktok.com/SuruhanjayaKoperasi)



17 September 2026- Langkawi

Seawal jam 4.00 pagi, krew penerbitan Podcast “Oh! Gitu...” memulakan perjalanan menuju ke Jeti Pelancongan Kilim, Pulau Langkawi bagi menjayakan rakaman episod ketiga tahun 2026. Persiapan awal diperlukan memandangkan lokasi rakaman kali ini berada di kawasan operasi koperasi yang hanya boleh diakses melalui laluan sungai.

Sekitar jam 6.15 pagi, krew tiba di lokasi penggambaran selepas menaiki bot selama kira-kira 10 minit dari jeti. Perjalanan tersebut memberikan pengalaman tersendiri apabila laluan sungai yang ditempuhi masih cetek dan gelap. Bunyi deruan enjin Yamaha F250 empat lejang berkuasa 250 kuasa kuda memecah keheningan pagi, manakala pemandu bot hanya berbekalkan pengalaman dan pengetahuan tentang laluan untuk membawa krew ke lokasi.

Setibanya di lokasi, krew terus membuat persiapan dan menyusun peralatan bagi memastikan sesi rakaman dapat dimulakan seperti yang dirancang.



RAKAMAN DI LUAR STUDIO



Sesi rakaman episod ketiga tahun 2026 ini merupakan kali kedua Podcast “Oh! Gitu...” diadakan di luar set studio sejak mula diterbitkan pada tahun 2024. Rakaman pertama di luar studio telah dilaksanakan semasa penganjuran Hari Koperasi Negara 2025 Peringkat Kebangsaan di MITC Ayer Keroh, Melaka.

Namun, sesi kali ini mempunyai keistimewaan tersendiri kerana ia merupakan episod pertama yang dirakam secara langsung di kawasan operasi koperasi. Pemilihan lokasi sebenar memberikan kelainan kepada penerbitan podcast apabila suasana dan persekitaran koperasi turut menjadi sebahagian daripada pengalaman rakaman.



CABARAN & PENGALAMAN

Penggambaran di luar studio memberikan cabaran yang berbeza kepada krew penerbitan, khususnya dari aspek pengangkutan dan pengurusan peralatan. Krew perlu membawa peralatan dan kelengkapan rakaman ke lokasi, sekali gus memerlukan perancangan rapi dari segi masa, pengangkutan dan penyusunan peralatan bagi memastikan persiapan dapat dibuat dengan lancar.

Kos penerbitan yang terhad turut menjadi antara cabaran yang perlu dihadapi. Bagi memastikan kos pengangkutan dapat dikawal, hanya seramai enam orang krew terlibat, terdiri daripada empat pegawai SKM dan dua orang daripada pasukan produksi. Setiap peralatan dan kelengkapan perlu dibawa dengan cermat agar keperluan rakaman dapat dipenuhi tanpa melebihi kadar belanja yang dirancang. Hos podcast juga perlu membuat persiapan dan solekan sendiri sebelum sesi rakaman.

Cabaran paling utama ialah faktor persekitaran dan cuaca. Para krew perlu membuat persediaan bagi menghadapi sebarang kemungkinan perubahan cuaca, khususnya hujan yang boleh mengganggu kelancaran sesi rakaman dan menyebabkan penggambaran terpaksa ditunda sekiranya berterusan. Keadaan jerebu turut memberikan cabaran dari aspek penghasilan latar penggambaran yang menarik.

Pemilihan waktu awal pagi juga mengambil kira keadaan sekitar lokasi bagi mengurangkan gangguan daripada kemasukan pelancong. Kilim Karst Geoforest Park secara purata menerima sekitar 600,000 pelancong domestik dan antarabangsa setahun, sekali gus menjadikan gangguan bunyi antara perkara yang perlu diberi perhatian. Pergerakan bot, suara pelancong dan aktiviti di sekitar kawasan berpotensi mengganggu proses rakaman. Oleh itu, sesi penggambaran perlu dirancang dengan teliti, termasuk mengelakkan waktu dan musim yang mempunyai kemasukan pelancong tinggi, khususnya cuti sekolah.

Walau bagaimanapun, kesemua cabaran tersebut tidak melunturkan semangat krew. Sebaliknya, pengalaman ini menjadi antara pengalaman manis yang mungkin tidak dapat dirasakan dalam rakaman di studio.

PODCAST





Visibiliti Kepada Koperasi

Tujuan utama episod ini diadakan di luar set rakaman studio adalah selaras dengan aspirasi DaKoM 2030 yang menekankan peningkatan visibiliti koperasi dan keyakinan masyarakat terhadap gerakan koperasi.

Rakaman di kawasan operasi koperasi membolehkan kisah dan aktiviti koperasi diketengahkan dalam suasana sebenar. Masyarakat bukan sahaja mendengar mengenai koperasi melalui perkongsian hos dan tetamu, tetapi turut mendapat gambaran yang lebih dekat tentang lokasi, persekitaran serta aktiviti yang dijalankan.

Pendekatan ini juga memberikan ruang kepada koperasi untuk mengetengahkan produk, perkhidmatan dan pengalaman yang ditawarkan secara lebih nyata. Dalam konteks kawasan pelancongan seperti Kilim, paparan suasana sebenar dapat membantu penonton mengenali tarikan serta aktiviti yang boleh dinikmati.





“Seeing is believing.”

Meminjam ungkapan ini, pelaksanaan sesi podcast di kawasan operasi koperasi memberikan peluang kepada masyarakat untuk mengenali koperasi melalui pengalaman yang lebih dekat dan nyata. Pendedahan sebegini diharap dapat membangkitkan minat orang ramai untuk mengenali koperasi dengan lebih dekat, seterusnya melancong, membeli atau menggunakan perkhidmatan yang disediakan.

Rakaman episod ini memperlihatkan bahawa penghasilan kandungan podcast bukan sekadar ketika kamera mula dirakam. Di sebalik beberapa minit rakaman yang disaksikan oleh penonton, terdapat perjalanan, persiapan peralatan, pengurusan kos, cabaran cuaca dan persekitaran serta kerjasama seluruh krew bagi memastikan sesi berjalan lancar.

Lebih istimewa, episod ketiga tahun 2026 membawa “Oh! Gitu...” terus ke kawasan operasi koperasi, sekali gus memberikan dimensi baharu dalam usaha membawa cerita dan aktiviti koperasi lebih dekat kepada masyarakat

